



PANDUAN LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

Pengenalan

Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak merupakan sebuah Jabatan teknikal yang terbesar di Negeri Sarawak dan menjadi tumpuan bagi pelajar-pelajar daripada Universiti tempatan dan swasta, kolej, politeknik dan institusi-institusi awam yang lain untuk menjalani latihan industry, terutama yang berkaitan dengan bidang kejuruteraan.

Latihan Industri (LI) merupakan kursus yang memberi peluang kepada pelajar untuk mendapat pendedahan kerjaya bagi satu tempoh yang ditetapkan. Semasa menjalani LI, pelajar akan ditempatkan di JKR Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah ataupun JKR Bahagian yang bersesuaian dengan bidang pengajian yang diikuti di universiti. Menerusi LI, pelajar berpeluang untuk menimba pengalaman bekerja serta mendapat latihan di Jabatan dalam suasana kerja sebenar. LI juga dapat meningkatkan potensi dan membentuk sahsiah pelajar yang memenuhi keperluan pasaran kerja.

Secara khususnya, LI memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan dan mengaplikasikan teori yang mereka pelajari semasa di universiti kepada situasi sebenar di alam pekerjaan. Pelajar juga dapat menyumbang idea dan usaha bagi membangun, menambahbaik serta memantapkan aspek yang relevan di dalam Jabatan.

Syarat-syarat permohonan

Syarat-syarat bagi pelajar yang ingin memohon adalah seperti berikut:

- i. Pelajar adalah Warganegara Malaysia
- ii. Pelajar mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi awam/swasta dari dalam dan luar negara
- iii. Pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang-bidang seperti berikut adalah diutamakan:
 - Kejuruteraan (Awam, Mekanikal, Elektrikal)
 - Seni Bina
 - Ukur Bahan
 - Pentadbiran Pejabat
 - Perakaunan
 - Dan bidang-bidang berkaitan
- iv. Pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang yang berkaitan dengan pembinaan hendaklah memiliki Kad Hijau CIDB untuk tujuan lawatan di Tapak Pembinaan.

Prosedur permohonan

1. Pelajar perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut untuk tujuan pemprosesan:
 - i. Surat permohonan daripada institusi pengajian
 - ii. *Resume* pelajar yang terkini
 - iii. Transkrip akademik
 2. Dokumen yang lengkap perlu dihantar ke pejabat seperti berikut: -
 - i. Cawangan Sumber Manusia (untuk permohonan LI di Ibu Pejabat JKR Sarawak)
 - ii. Unit Pentadbiran (untuk permohonan LI di Pejabat Wilayah)
 - iii. Seksyen Pentadbiran (untuk permohonan LI di Pejabat Bahagian)
 3. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses
- Alamat pejabat boleh merujuk kepada laman web JKR Sarawak di <https://jkr.sarawak.gov.my/>

Kehadiran Semasa Latihan

Semasa menjalani latihan industri pelajar perlu mematuhi masa bekerja dan segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan dari masa ke semasa. Penyelia jabatan boleh meluluskan cuti pelajar sekiranya ada sebab yang munasabah seperti hari perayaan, atau hal-hal kecemasan.